



NOTIS MAKLUMAN

PROSES KERJA BARU BAGI PENGELUARAN WANG PEMBIAYAAN/PINJAMAN

Berkuatkuasa **1 Oktober 2017**, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan melaksanakan pengeluaran 100 peratus wang pembiayaan/pinjaman berdasarkan Nombor Perserahan Gadaian (untuk kes gadaian) dan Nombor Perserahan klausa wakil kuasa di Mahkamah (untuk kes penyerahanhak).

Pelaksanaan proses kerja ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Akujanji penerima biaya untuk mengembalikan semula bayaran tebus hutang sekiranya suratcara pelepasan gadaian (*Discharge of Charge*) atau suratcara pelepasan dan penyerahan hak (*Deed of Receipt & Reassignment*) tidak dapat didaftarkan dan disempurnakan;
2. Akujanji Pemaju/Penjual untuk mengembalikan semula bayaran wang pembiayaan/pinjaman sekiranya suratcara pindahmilik dan gadaian tidak dapat didaftarkan dan disempurnakan;
3. Carian Persendirian dibuat ke atas Hakmilik Individu atau Hakmilik Strata sebelum pendaftaran perserahan gadaian yang dinyatakan di atas; dan
4. Terma-terma lain seperti yang dinyatakan dalam *standard* surat pengeluaran wang pembiayaan/pinjaman yang disediakan oleh LPPSA.

Dengan proses kerja baru tersebut, semua **firma guaman** yang dilantik mewakili pelanggan/peminjam bagi mengendalikan urusan dokumentasi dan pengeluaran wang pembiayaan/pinjaman hendaklah menggunakan surat iringan dan senarai semak firma guaman *standard* LPPSA bagi tujuan **[Pengeluaran Wang Pembiayaan/Pinjaman \(Advice to Release, Ruj: LPPSA/ATOR/1.2017\)](#)**. Surat iringan dan senarai semak tersebut hendaklah dimuat turun dari laman web rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my dan hendaklah dicetak pada kepala surat firma guaman.

Firma guaman hendaklah memastikan semua dokumen yang dikemukakan adalah teratur dan lengkap sebelum ianya dihantar kepada LPPSA di alamat seperti berikut:-

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam [LPPSA]

Jabatan Cagaran (Unit Terimaan Dokumen)

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 9, Persiaran Perdana

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 Putrajaya.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

Jabatan Cagaran

26 September 2017